



**Permodalan Nasional Berhad**

(38218-X)

**Untuk Siaran Segera  
30 Jun 2015**

**ASN 2 MENGEKALKAN KADAR PENGAGIHAN PENDAPATAN BAGI  
TAHUN KEWANGAN 2015**

**KUALA LUMPUR** - Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), anak syarikat milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB) hari ini mengumumkan agihan pendapatan sebanyak 3.45 sen seunit bagi Amanah Saham Nasional 2 (ASN 2) untuk tahun kewangan berakhir 30 Jun 2015.

Pengerusi PNB, Tun Ahmad Sarji bin Abdul Hamid berkata, dengan mengambil kira pelaksanaan pecahan unit sebanyak 1 unit-untuk-1 unit pegangan kepada pemegang-pemegang unit ASN 2 pada 18 Julai, 2014, kadar sebanyak 3.45 sen seunit yang berdasarkan kepada nilai par RM0.50 ini, adalah bersamaan dengan kadar 6.90 sen seunit pada nilai par RM1.00, iaitu kadar yang diumumkan oleh ASN 2 pada tahun lalu.

Peruntukan bagi pengagihan pendapatan tahun ini membabitkan pembayaran sebanyak RM44.15 juta, iaitu peningkatan 135.2% berbanding dengan RM18.77 juta yang dibayar pada tahun 2014.

Pengagihan pendapatan ini dijangka akan dapat dimanfaatkan oleh seramai 19,557 pemegang unit yang melanggan sebanyak 1.28 bilion unit ASN 2.

Sehingga tempoh 26 Jun 2015, ASN 2 telah memperolehi pendapatan kasar sebanyak RM30.50 juta. Pendapatan dividen yang diterima daripada syarikat-syarikat pelaburan menyumbang sebanyak RM15.92 juta atau 52.2% daripada keseluruhan pendapatan kasar, manakala pendapatan daripada jualan saham menyumbang sebanyak RM10.36 juta atau 34.0% daripada keseluruhan pendapatan kasar.

Selebihnya iaitu RM4.22 juta atau 13.8% daripada keseluruhan pendapatan yang diperolehi oleh ASN 2 adalah daripada lain-lain pendapatan.

Pengiraan pengagihan pendapatan ASN 2 adalah berdasarkan pegangan unit pada 30 Jun 2015, iaitu hari terakhir tahun kewangan tabung ASN 2. Pembayaran pengagihan pendapatan akan dilaburkan secara automatik dan dikreditkan ke dalam buku pelaburan pemegang unit berdasarkan nilai aset bersih ASN 2 pada 30 Jun 2015.

Bagi pemegang unit yang melanggan unit-unit ASN 2 menerusi Skim Pelaburan Ahli KWSP, pembayaran pengagihan pendapatan akan dikreditkan ke dalam akaun pelaburan KWSP yang berkenaan.

Para pemegang unit boleh mengemaskini buku pelaburan masing-masing di pejabat-pejabat ASNB atau ejen-ejen ASNB di seluruh negara mulai 1 Julai 2015.

Semua urusan niaga bagi ASN 2 di Ibu Pejabat ASNB, pejabat-pejabat ASNB dan ejen-ejen ASNB telah ditangguhkan mulai 24 Jun 2015 sehingga 30 Jun 2015 bagi tujuan pengiraan pengagihan pendapatan. Urusan niaga ASN 2 akan berjalan seperti biasa bermula 1 Julai 2015.

ASN 2 merupakan Dana Ekuiti Pertumbuhan (Equity Growth Fund). Dilancarkan pada tahun 1999, ASN 2 memberi peluang kepada para pemegang unit menikmati jumlah pulangan yang berpatutan pada tahap risiko bersesuaian menerusi portfolio pelaburan yang dipelbagaikan.

Sebagai sebuah Tabung Pertumbuhan harga berubah-ubah, perbandingan prestasi ASN 2 dari segi jumlah pulangan keseluruhan dan hasil pendapatan (yield) boleh dilakukan dengan instrumen-instrumen yang mempunyai ciri-ciri dan tahap risiko yang hampir serupa dengannya.

**Dikeluarkan oleh:**  
**PERMODALAN NASIONAL BERHAD**  
**Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:**  
**Cik Aminah Haji Mahadi**  
**Pengurus Kanan, Jabatan Komunikasi Korporat**  
**Tel: 03-2050 5445, Faks: 03-2050 5268, E-mail: [aminah\\_hm@pnb.com.my](mailto:aminah_hm@pnb.com.my)**

Sebelum melabur dalam ASN 2, sebaiknya sila baca dan fahami kandungan Prospektus Induk. Prospektus Induk bertarikh 30 Jun, 2015, telah didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti, dan boleh diperolehi di mana-mana pejabat ASNB dan ejen-ejenya. Unit-unit akan diterbitkan setelah penerimaan Borang Pendaftaran seperti yang terdapat di dalam prospektus berkenaan. Sila ambil perhatian bahawa ASNB tidak menjamin pulangan pelaburan. Jumlah keseluruhan pulangan pelaburan mungkin turun atau naik. Prestasi masa lalu ASN 2 bukanlah jaminan prestasi masa hadapan. Sebelum melabur, sila pertimbangkan yuran-yuran dan bayaran-bayaran yang dikenakan.